



**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
(KELANTAN)**

TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA
TUAN HAJI HASSIM BIN HAJI MANSOR
BEKAS ANGGOTA ANGKATAN TENTERA MALAYSIA

OLEH:

| | |
|-----------------------------|------------|
| NURUL MIZA KHALID | 2012396111 |
| WAN NORNADZIRA WAN BULKARIM | 2012144109 |

PROJEK INI DIMAJUKAN KEPADA
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN
SEMESTER 05 (MAC 2015 – JULAI 2015)

TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA
TUAN HAJI HASSIM BIN HAJI MANSOR
BEKAS ANGGOTA ANGKATAN TENTERA MALAYSIA

OLEH:

NURUL MIZA KHALID 2012396111

WAN NORNADZIRA WAN BULKARIM 2012144109

PROJEK INI DIMAJUKAN KEPADA
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN
SEMESTER 05 (MAC 2015 – JULAI 2015)

PENGHARGAAN

PENGHARGAAN

Bersyukur kehadiran Ilahi kerana dengan izin kurniaannya dapat juga kami menyempurnakan tugas bagi subjek *Oral History* (IMR 604) ini. Sepanjang menjalankan tugas ini, kami telah memperoleh pelbagai pengetahuan yang amat berharga dan bermakna dalam hidup kami sebagai seorang pelajar.

Dikesempatan ini, kami ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat sepanjang menjayakan tugas ini. Terutamanya kepada pensyarah kami iaitu Puan Nurulannisa binti Abdullah kerana beliau telah banyak memberikan tunjuk ajar kepada kami dalam proses untuk melengkapkan tugas ini. Tunjuk ajar beliau amat membantu kami dalam usaha menyempurnakan tugas yang telah diamanahkan. Tidak ketinggalan juga kami ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada Tuan Haji Hassim kerana telah sudi menerima kunjungan kami untuk menemu bual beliau tentang pengalaman manis dan pahit getir sewaktu menjadi anggota tentera yang menentang penganas dan komunis suatu masa dahulu. Maklumat yang beliau berikan amat membantu dalam proses melengkapkan tugas ini dengan lebih sempurna.

Sehubungan dengan itu, kami juga ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada keluarga kami yang telah banyak memberi sokongan moral dan bantuan kewangan bagi menyelesaikan tugas ini. Selain itu, kami turut berterima kasih kepada rakan-rakan seperjuangan kami kerana telah banyak menghulurkan bantuan dan kerjasama bagi merealisasikan tugas ini dengan jayanya.

ABSTRAK

ABSTRAK

Abstrak: Transkrip ini mengandungi temubual bersama Tuan Haji Hassim bin Haji Mansor mengenai kerjaya beliau dalam bidang ketenteraan. Transkrip temubual ini dijalankan di kediaman beliau bertempat di Sungai Buloh Jeram, Kuala Selangor, Selangor pada 25 April 2015 bermula jam 12.30 tengah hari. Beliau adalah salah seorang tentera yang berkhidmat di Angkatan Tentera Diraja Malaysiaselapas kejadian Peristiwa 13 Mei. Transkrip ini menyentuh serba sedikit mengenai latar belakang dan juga kehidupan beliau sewaktu Peristiwa 13 Mei dan juga pengalaman beliau sebagai anggota tentera ketika itu. Temubual ini lebih tertumpu kepada bidang kerjaya beliau sebagai seorang tentera, tempat-tempat yang telah beliau berkhidmat dan juga cabaran yang beliau lalui sepanjang berkhidmat sebagai seorang tentera. Selain itu beliau juga memberi sedikit pandangan mengenai perbezaan antara prestasi kerja zaman dahulu dan juga zaman sekarang.

Kata kunci: Peristiwa 13 Mei, Komunis, Tentera.

ISI KANDUNGAN

ISI KANDUNGAN

| TAJUK | MUKA SURAT |
|---|-------------------|
| Penghargaan..... | i |
| Abstrak..... | ii |
| Isi Kandungan..... | iii |
| Biodata Tokoh..... | iv |
| Pengenalan..... | v |
| Transkrip | |
| Bahagian 1: Latar Belakang Tokoh..... | 01 |
| Bahagian 2: Pengalaman Kerjaya Dan Pencapaian | 12 |
| Log Wawancara..... | 40 |
| Diari Kajian..... | 48 |
| Senarai soalan..... | 50 |
| Lampiran..... | 56 |
| Indeks..... | 59 |

BIODATA TOKOH

BIODATA TOKOH



| | | |
|---------------------------------------|---|---|
| Nama Penuh | : | Haji Hassim bin Haji Mansor |
| Kelahiran | : | 18 Julai 1949 |
| Jantina | : | Lelaki |
| Bangsa | : | Melayu |
| Agama | : | Islam |
| Pendidikan | : | <ul style="list-style-type: none">- Sekolah Kebangsaan Jeram Batu 20 (Darjah 1- Darjah 6)- Sekolah Menengah Agama (Tingkatan 1- Tingkatan 3) |
| Keluarga | : | <ul style="list-style-type: none">- Isteri –Hazenah binti Razak- Adik-beradik - 10 orang- Anak – Tiada |
| Kerjaya | : | Pesara Tentera |
| Pangkat Terakhir dalam Tentera | : | Pegawai Waran II |

PENGENALAN

PENGENALAN

Angkatan Tentera Malaysia (ATM) ialah pihak yang bertanggungjawab terhadap pertahanan nasional dengan kata lain ialah pasukan tentera profesional negara Malaysia. ATM meliputi tiga cabang ketenteraan utama iaitu, Tentera Darat Malaysia (TDM), Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) dan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM). Tentera Darat Malaysia (TDM) atau lebih sinonim dengan nama Tentera Darat (TD) sahaja sebagai salah satu cabang didalam ATM perlu sentiasa berada dalam keadaan siap sedia sepanjang masa. TD yang berpegang kepada moto “Tentera Darat Teras Utama Kedaulatan Negara” akan terus memastikan keselamatan dan keamanan negara terjamin khususnya bagi menentukan kelangsungan politik, ekonomi dan sosial negara untuk membawa Malaysia kearah negara maju dan aman. Oleh itu sebagai sebuah organisasi yang telah wujud sejak 81 tahun (1933 - 2014) yang lalu, TD telah melalui pelbagai pembangunan baik dari segi pembangunan manusia, struktur organisasi malah dari segi peralatan dan kelengkapan pertahanan bersesuaian dengan konsep yang telah digariskan. TD sentiasa peka dengan arus pembangunan dari segi peralatan dan teknologi semasa, lantaran itu pembangunan TD tidak dapat dan tidak perlu seiring dengan kemajuan teknologi semasa.

Bagi menjamin keupayaan TD berterusan adalah penting ianya dilengkapi dengan pelbagai peralatan dan kelengkapan operasi secukupnya serta menentukan ianya boleh digunakan setiap masa. Dalam hal ini, perkembangan TD menjelang 2020 telah dirancang dan dirumuskan dalam Pelan Rancangan Tentera Darat 2010 *Plus* 10

oleh kepimpinan TD khususnya untuk mewujudkan satu angkatan pertahanan darat yang berkebolehan dan berkeupayaan tinggi untuk menentang sebarang kemungkinan khususnya ancaman luaran. TD kini sedang dalam proses transformasi kearah permodenan yang bukan sahaja dalam aspek konsep operasi dan peperangan malah merangkumi pelbagai aspek teknologi pertahanan dan integrasi teknologi dengan manusia. Transformasi ini perlu dilaksanakan dengan tersusun, seimbang, konsisten dan berkesinambungan. TD kini sedang giat merancang untuk mengganti dan menambahkan aset kapital bagi menyesuaikan organisasi yang sedia ada agar TD akan terus relevan dan disegani lawan.

Aset Tentera Darat

Dalam merancang untuk menambahkan aset TD, secara langsungnya ia akan berkait rapat dengan sokongan dan bantuan logistik. Dalam konteks militer, umumnya logistik merupakan fungsi memberi bantuan material dan perkhidmatan yang diperlukan olehnya samada di waktu perang ataupun aman. Objektif militer dengan itu adalah untuk menggunakan keperluan tersebut dengan memendekkan jurang perhubungan bagi menentukan bantuan yang diperlukan akan terjamin untuknya melunaskan tugas-tugas operasi dan pentadbiran. Dalam konteks untuk memperolehi aset yang merangkumi bantuan material dan bagi menentukan kesediaan serta peranan TD, ianya berkait dengan keberkesanan sistem perolehan yang diamalkan oleh Malaysia amnya dan TD khususnya.

Dengan kemajuan teknologi yang berkembang pantas, disamping keunikan organisasi TD yang dibentuk lengkap dan berkemampuan beroperasi sendiri sudah tentunya mempunyai rejimen dan kor yang menyokong dengan pelbagai fungsinya. Setiap rejimen dan kor mempunyai peranan dan tanggungjawab yang berbeza didalam menentukan sokongan terhadap fungsi dan operasi keseluruhan TD. TD yang mempunyai kekuatan keseluruhan hampir 80,000 keanggotaan mempunyai pelbagai aset kelengkapan termasuk persenjataan, peralatan komunikasi, kenderaan, keperluan pejabat dan kelengkapan setiap individu yang perlu diberikan penekanan didalam menyelenggara bagi menentukan tahap boleh guna dan menjamin kelancaran fungsinya. TD memerlukan semua peralatan, aset dan kelengkapannya diselenggarakan dengan sempurna dan teratur bagi memastikan ianya akan terus dapat berfungsi dengan berkesan pada sebilang masa.

Dalam membincangkan tentang kesiapsiagaan TD ianya secara langsung akan berkait rapat dengan kesiapsiagaan material iaitu sejauh manakah kemampuan bantuan serta ulang bekal yang dapat diberikan bagi menentukan misi dan objektif TD tercapai. Namun demikian kesiapsiagaan material tersebut adalah bergantung sepenuhnya kepada amalan perolehan yang dilakukan oleh pihak KEMENTERIAAN dan TD khususnya. Ini kerana selain daripada sistem perolehan yang diamalkan sekarang yang terpaksa melalui beberapa proses tertentu disamping itu juga halangan lain yang membuatkan material yang diperlukan tidak diperolehi pada masa yang dikehendaki dan ini akan mempengaruhi kesiapsiagaan TD secara keseluruhannya.

Tugas dan Tanggungjawab

Tugas dan tanggungjawab TD telah dibentuk sebegitu rupa dan agar bersesuaian dengan motonya iaitu “Tentera Darat Teras Utama Kedaulatan Negara” dimana ianya dapat berfungsi secara *self-contained* dan *self supporting* bagi membolehkan misi dan objektif yang diberikan tercapai. Oleh yang demikian TD perlu dilengkapi dengan pelbagai peralatan, kenderaan, stor dan personil (yang dirujuk kepada keperluan material) untuk mencapai sesuatu misi yang diberikan. Namun demikian, apa yang diperbincangkan secara umumnya dewasa ini adalah pegangan material adalah berkurangan berbanding dengan perjawatan dan sekaligus telah menimbulkan permasalahan untuk menguruskan sumber yang terhad ini dengan efisien dan efektif.

Daripada seminar-seminar dan maklum balas pasukan, sering kedengaran rungutan berkaitan dengan kerumitan pasukan untuk menentukan keberkesanan dalam memastikan kesiapsiagaan material di pasukan. Dengan lain perkataan, pasukan terpaksa melalui proses yang membebankan dalam pengurusan material kerana permohonan tidak memenuhi keperluan. Berdasarkan kepada kenyataan ini, timbul persoalan kenapakah fenomena ini berlaku dan hasil daripada temubual dengan staf-staf pengendali dan pasukan yang terlibat dengan pengurusan material dipasukan, sebahagian besar menyatakan kerumitan perolehan material daripada pasukan KOD tidak dapat dipenuhi mengikut masa dan kuantiti sebagaimana yang dikehendaki.

Selain daripada amalan perolehan dan peruntukan kewangan, pegangan inventori yang besar serta sistem bantuan Ordinars yang diamalkan oleh pasukan-pasukan KOD juga memainkan peranan penting bagi menentukan keperluan material kepada pasukan TD. Ini kerana KOD adalah agensi utama yang menguruskan segala perolehan bagi keperluan TD. Dalam konteks bantuan Ordinars, adalah merujuk kepada keupayaan pasukan KOD didalam membekalkan keperluan material kepada pasukan-pasukan TD berdasarkan kepada permohonan yang dimajukan. Pasukan pasukan perlu mematuhi peraturan tertentu yang ditetapkan oleh TD atau KEMENTAH untuk mendapatkan sesuatu keperluan material.

Merujuk kepada persoalan amalan perolehan yang diamalkan oleh TD dan kesan kepada kesiapsiagaan material akan dilihat kepada amalan perolehan sekarang benar-benar memberi kesan kepada kesiapsiagaan material dan sekaligus akan menentukan kesiapsiagaan TD secara keseluruhannya. Oleh yang demikian faktor seperti sistem perolehan, peruntukan kewangan, pegangan inventori dan sistem bantuan Ordinars dilihat antara faktor menjuruskan kepada kesiapsiagaan material.

Peristiwa 13 Mei 1969

Peristiwa rusuhan kaum yang berlaku pada 13 Mei 1969 merupakan peristiwa hitam dalam sejarah Malaysia. Pada waktu ini, semangat perkauman amat kuat berlaku dalam kalangan orang Melayu dan juga Cina di Tanah Melayu. Parti-parti politik seperti MCA, MIC, PAS, GERAKAN dan Parti Buruh dan lain-lainnya

menyuburkan perasaan perkauman kerana tujuannya semata-mata menarik populariti seseorang pemimpin. Kebanyakan parti pada masa itu ditubuhkan pada dasar perkauman ataupun keagamaan. Parti yang terbuka kepada semua kaum boleh dikatakan tidak akan mendapat sambutan sebagaimana Parti IMP oleh Dato' Onn. Walaupun Parti Gerakan pada asalnya namun hakikatnya parti ini dikuasai oleh orang-orang Cina. Dalam peristiwa ini, DAP dan Parti Buruh merupakan kelompok yang paling kuat bermain dengan sentiment perkauman. Walaupun Parti Gerakan cuba untuk meneutralkan sifat perkaumannya namun parti ini tetap memberi sumbangan kepada berlakunya peristiwa 13 Mei 1969.

Dalam kempen DAP dan Gerakan, persetujuan sebagaimana yang termaktub dalam perlembagaan telah dipersoalkan seperti hak-hak orang Melayu dan juga penggunaan bahasa Melayu. Peristiwa ini berlaku apabila parti Gerakan dan DAP memenangi pilihanraya di Kuala Lumpur (Dulu Selangor). Pilihanraya tersebut berlaku pada 10 Mei 1969. Selepas pengumuman kemenangan tersebut, penyokong parti Gerakan dan DAP telah melakukan perarakan tanpa permit sehinggalah malam 12 Mei. Dalam perarakan yang disertai oleh kaum Cina itu, pelbagai perkataan yang menyinggung perasaan orang Melayu telah dikeluarkan seperti "Melayu Mati", "Malai Si", "Kuala Lumpur Sekarang Cina Punya", " Melayu Balik Kampung", "Halau Semua Polis" sehinggalah menunjukkan kemaluan mereka. Perarakan yang diadakan oleh DAP dan Gerakan ini lebih kepada perarakan perkauman dan bukannya perarakan untuk menyambut kemenangan.

Mereka telah berarak pada 11 Mei hingga malam 12 Mei secara haram dengan melalui Jalan Campbell dan Jalan Hale (sekarang Jalan Raja Abdullah menghala

masuk ke Kampung Baharu yang merupakan kawasan orang Melayu yang juga merupakan kubu kuat UMNO di Kuala Lumpur. Oleh itu, Tun Dr Ismail telah mengatakan bahawa sistem demokrasi telah mati ditangan parti pembangkang. Dalam pilihanraya 1969, pembangkang telah memenangi sebanyak 51.5% undi berbanding dengan Perikatan yang hanya menang sebanyak 48.5% undi sahaja. MCA pada kali ini kalah teruk dan Perikatan hanya bergantung kepada kekuatan UMNO sahaja. Namun keengganan Gerakan untuk mewujudkan kerajaan campuran telah menyebabkan Perikatan masih berkuasa di Negeri Selangor. Perarakan yang diadakan oleh parti pembangkang daripada kalangan kaum Cina telah menyebabkan perasaan tidak puas hati dalam kalangan orang Melayu tambahan pula mereka merasakan mereka hampir hilang kuasa di bumi sendiri. Melihat perarakan yang diadakan oleh pihak pembangkang ini telah menyebabkan orang Melayu risau dengan masa depan yang akan mereka hadapi. Oleh itu, mereka telah mengambil keputusan untuk turut mengadakan perarakan sebagai tindak balas kepada pihak pembangkang. Oleh itu,

Haji Ahmad Razali telah mencadangkan supaya diadakan satu perarakan orang Melayu bagi meraikan kemenangan UMNO dan perarakan ini mendapat kebenaran daripada Datuk Haji Harun Idris yang merupakan Menteri Besar Selangor. Rumah Menteri Besar telah dijadikan pusat untuk berkumpul oleh pemuda Melayu. Khabar angin yang menyatakan akan berlaku rusuhan kaum tersebar menyebabkan orang Melayu yang menyertai perarakan tersebut telah menyediakan senjata bersama mereka seperti parang, keris, buluh runcing dan lain-lain bagi menghadapi sebarang kemungkinan.

Pergaduhan berlaku di Setapak dengan cepat telah merebak ke Jalan Tunku Abdul Rahman, Kampung Baharu, Pudu dan Kampung Pandan. Ramai yang terkorban dalam rusuhan ini sehingga Yang Di Pertuan Agung terpaksa mengistiharkan darurat di Kuala Lumpur. Keadaan yang genting tersebut, telah menyebabkan Tuanku Yang Di-Pertuan Agung telah mengistiharkan darurat atas nasihat Tunku Abdul Rahman. Sebuah majlis iaitu Majlis Gerakan Negara telah ditubuhkan oleh Tunku Abdul Rahman dengan melantik Tun Abdul Razak sebagai pengerusi dan Tun Abdul Razak pula melantik Tun Dr Ismail sebagai Timbalan Pengerusi MAGERAN. Tun Dr Ismail pada waktu dalam keadaan uzur dan cuba mendapatkan rawatan di London, namun terpaksa dibatalkan apabila Tun Razak meminta beliau membantunya dalam menangani masalah rusuhan tersebut. Parlimen kembali berfungsi pada 23 Febuari 1971 dan sistem demokrasi mula dipulihkan. Tunku Abdul Rahman telah meletakkan jawatan dan menyerahkan jawatan tersebut kepada Tun Abdul Razak. Peristiwa 13 Mei tersebut dan juga slogan Malaysia Malaysian telah membunuh sistem demokrasi negara selama 22 bulan.

KAEDAH KAJIAN

Bagi menjayakan penulisan ini, bahan-bahan untuk penulisannya didapati dalam tiga cara iaitu :

a) Pengumpulan Data

Penulis mencuba sedaya upaya mengumpulkan maklumat sebanyak mungkin untuk sesi temubual dan untuk dimasukkan ke dalam penulisan, yang mana dirasakan perlu dan mempunyai kaitan dengan kajian ini. Dalam mengumpulkan data dan bahan-bahan kajian, penulis ada membuat kajian tentang latar belakang tokoh dan juga peristiwa-peristiwa yang berkaitan dengan tokoh sewaktu kerjaya beliau sebagai tentera. Maklumat di peroleh daripada artikel sejarah Malaysia dan juga termasuk bertanya dengan orang-orang sekeliling.


b) Kajian Luar



Gambar 1: Tokoh Sewaktu di Temubual

Penulis membuat kajian luar dengan menggunakan dua cara iaitu melalui temubual dan pemerhatian. Kaedah ini amat penting untuk penulis kerana melalui temubual, penulis dapat memperoleh maklumat tentang pengalaman peribadi tokoh semasa bertugas yang tidak terdapat di mana-mana terbitan sejarah. Penulis juga dapat mengesahkan fakta dan maklumat yg dikumpul melalui medium lain kepada tokoh.

c) Perakam Suara



Gambar 2 Perakam Suara

Penulis menggunakan perakam suara melalui telefon bimbit untuk merakam temubual bersama tokoh tentera iaitu Tuan Haji Hassim bin Haji Mansor supaya suara beliau boleh didengari dengan jelas bagi melancarkan lagi proses penulisan kajian dan untuk memastikan penulis tidak tertinggal mana-mana maklumat dan segala isi temubual tersebut.

TRANSKRIP

TRANSKRIP

Berikut merupakan temubual sejarah lisan yang telah dijalankan oleh Wan Nornadzira binti Wan Bulkarim dan Nurul Miza binti Khalid bersama Tuan Haji Hassim bin Haji Mansor mengenai pengalaman beliau sebagai bekas anggota Angkatan Tentera Malaysia selama 21 tahun. Temubual ini telah dijalankan dikediaman beliau bertempat di Sungai Buloh, Jeram, Kuala Selangor, Selangor Darul Ehsan pada 25 April 2015. Berikut adalah hasil rakaman.

Petunjuk:

THH : Tuan Haji Hassim

WN : Wan Nornadzira

BAHAGIAN 1: LATAR BELAKANG TOKOH

WN : Assalamualaikum encik?

THH : Waalaikumussalam Warahmatullahi Wabarakatuh.

WN : Sebagai permulaan perbualan kita, boleh encik ceritakan serba sedikit latar belakang encik seperti nama penuh dan umur encik?

THH : Saya Haji Hassim bin Mansor. Berumur enam puluh enam [66] tahun.

WN : Apa nama panggilan encik dalam keluarga?

THH : Dalam keluarga saya anak *keempat* [4]. Keluarga panggil Uda.

WN : Dikalangan rakan-rakan encik mereka panggil encik apa?

THH : Dalam kalangan rakan-rakan mereka panggil nama *saja* [sahaja].

WN : Bilakah encik dilahirkan?

THH : Saya dilahirkan pada *lapan belas Julai sembilan belas empat puluh sembilan* [18 Julai 1949].

WN : Dimana encik dilahirkan?

THH : Dilahirkan di Kampung Sungai Buloh, Jeram, Selangor Darul Ehsan.

WN : Dilahirkan dirumah encik lah ya?

THH : Dirumah. Ya pada masa itu dirumah. Zaman *tu* [itu] bidan kampung *saja* [sahaja].

WN : Sekarang ini encik tinggal dengan siapa?

THH : Sekarang *ni* [ini] saya tinggal dengan keluarga di Kampung Sungai

Buloh, Jeram, Selangor.

WN : Berapa lama encik menetap di Jeram, Selangor?

THH : Menetap disini, tempat lahir adalah sejak lahirlah, *sembilan belas empat puluh sembilan* [1949].

WN : Sebelum encik tinggal disini, ada tak [tidak] penempatan atau kediaman lain encik?

THH : Tidak. Semua disinilah.

WN : Adakah ibu bapa encik masih ada?

THH : Kedua orang tua sudah meninggal.

WN : Siapa nama ibu bapa encik?

THH : Ibu bernama Rokiah binti Bakri. Ayah Mansor bin Lazi.

WN : Mereka berasal daripada mana?

THH : Ibu berasal dari Klang, Selangor dan ayah berasal dari Batu Pahat, Johor.

WN : Boleh encik ceritakan sedikit latar belakang ibu bapa encik?

THH : Ibu surirumah sepenuh masa. Ayah masa *tu* [itu] sebagai seorang nelayan.

WN : Berapa bilangan adik beradik encik?

THH : Adik beradik seramai *sepuluh* [10] orang. *Tiga* [3] perempuan dan *tujuh* [7] lelaki.

WN : Encik anak yang keberapa?

THH : Saya anak yang *keempat* [4] dalam keluarga.

WN : Ada antara adik beradik encik yang mengikut jejak langkah encik dalam bidang ketenteraan?

THH : Sebenarnya sebelum saya, abang saya pernah berkhidmat dalam angkatan tentera Askar Wataniah.

WN : Siapa nama abang encik?

THH : Abang saya Sajuhan bin Mansor.

WN : Mengenai kehidupan kanak-kanak encik, boleh encik ceritakan serba sedikit?

THH : Oh zaman kanak-kanak saya memanglah nakal selalu bermain seperti cerita 'Cow Boy'. Suka main tembak tembaklah dalam hutan.

WN : Pernah *tak* [tidak] encik melakonkan *balik* [semula] watak 'Cow Boy' itu?

THH : Setelah dewasa ini tidak adalah.

WN : (Ketawa) Waktu kanak-kanak?

THH : Zaman kanak-kanak memang adalah.

WN : Bermain dengan adik beradik enciklah?

THH : Adik beradik dan kawan-kawan sekampung.

WN : Dimanakah pendidikan awal encik?

THH : Pendidikan awal sekolah rendah, Sekolah Umum Batu 20 Jeram.

WN : Daripada?

THH : Daripada darjah *satu* [1] sehinggalah darjah *enam* [6]. Oleh kerana

tidak ada kemampuan *tak* [tidak] dapat meneruskan pelajaran yang mana masa *tu* [itu] untuk melanjutkan pelajaran ke sekolah menengah jarak daripada rumah memang jauhlah. Kena menggunakan kenderaan sama ada bas ataupun basikal pada zaman *tu* [itu] lah.

WN : Encik pergi ke sekolah pada zaman *tu* [itu] menggunakan apa?

THH : Semasa sekolah rendah kami hanya berjalan kaki. Jarak lebih kurang *tiga* [3] kilometer daripada rumah ke tempat sekolah.

WN : Pergi bersama adik beradik atau bersama kawan-kawan?

THH : Ada seorang bawah saya, adik saya dan lain semua kawan-kawan lah.

WN : Pergi beramai-ramailah?

THH : Pergi beramai-ramai melalui jalan raya.

WN : Selepas bersekolah rendah, encik menyambung pelajaran dimana?

THH : Selepas darjah *enam* [6] menyambung pelajaran di Sekolah Menengah Agama selama *tiga* [3] tahun sahaja.

WN : Sepanjang persekolahan encik, encik pernah *tak* [tidak] bergiat aktif dalam mana-mana persatuan ataupun aktiviti?

THH : Aktiviti lain pernah-- Dalam marhaban, rawi berzanji dan juga aktif dalam membaca Al-quran, tilawah Al-quran dan juga pidato.

WN : Adakah encik masih ingat pengalaman manis encik ketika bersekolah *dulu* [dahulu]?

THH : Pengalaman manis tidak adalah. Cuma masa *tu* [itu] *kecik-kecik* [kanak-kanak] habis sekolah main-main dekat kampung *tu* [itu] *jelah* [sahajalah]. Main segala sukan-sukan tradisi kampung, main bola adalah *sekali-sekali* [sese kali].

WN : Bagaiman pula dengan pengalaman pahit?

THH : Pengalaman pahit ialah tidak dapat meneruskan pelajaran kerana tidak ada kemampuan manakala adik beradik *sepuluh* [10] orang sedangkan ayah adalah seorang nelayan. Pendapatan yang tidak mencukupilah.

WN : Waktu bersekolah *dulu*, berapa duit belanja yang diberikan?

THH : Masa sekolah zaman *tu* [itu] *seposen* [RM 0.10] sahajalah. Kebetulan masa *tu* [itu] nasi lemak dan kuih harga *lima sen* [RM 0.05] *satu* [1].

WN : Pernah *tak* [tidak] encik bawak bekal ke sekolah?

THH : Masa *tu* [itu] kalau ada bawak bekal pun rebus ubi dengan pisang *ajalah* [sahajalah]. Pisang rebus atau ubi rebus. Itu sahajalah. Lain *tak da* [tiada].

WN : Ada *tak* [tidak] encik pernah untuk mencari duit lebih membantu keluarga waktu zaman persekolahan?

THH : Masa *tu* [itu] zaman sekolah ada juga lah jual kuih di panggung wayang. Masa *tu* [itu] di Sungai Buloh ada *satu* [1] panggung wayang. Adalah jual kuih. Kebetulan kuih pada masa *tu* [itu] *lima* sen [RM 0.05] *satu* [1]. Pendapatan *tak* [tidak] sebanyak manalah. Ala kadar *saja* [sahaja].

WN : Waktu encik bersekolah dulu?

THH : Ya.

WN : Mengenai alam rumahtangga, saya ingin menanyakan bilakah encik mendirikan rumahtangga?

THH : Saya mendirikan rumah tangga setelah berkhidmat dalam tentera masa *sembilan belas tujuh puluh sembilan* [1979].

WN : Sewaktu *tu* [itu] encik telah berapa tahun menjadi seorang tentera?

THH : Sudah *sembilan* [9] tahun dalam angkatan tentera.

WN : Siapa nama isteri encik?

THH : Isteri bernama Hazenah binti Razak. Surirumah sepenuh masa.

WN : Adakah isteri encik bekerja?

THH : Tidak. Surirumah sepenuh masa.

WN : Adakah isteri encik pilihan sendiri atau keluarga?

THH : Itu adalah pilihan keluarga.

WN : Sebelum encik dijodohkan dengan pilihan keluarga, ada *tak* [tidak] encik pernah mempunyai pilihan sendiri?

THH : Masa *tu* [itu] memang tidak ada. Hanya menunggu pilihan keluarga. Kebetulan desakan keluarga hanya berkahwin dengan pilihan merekalah. Restu *saja* [sahaja].

WN : Isteri encik berasal dari mana?

THH : Berasal dari Banting, Selangor Darul Ehsan.

WN : Apakah cita-cita encik?

THH : Semasa dalam persekolahan setelah tidak dapat melanjutkan pelajaran, *kami* [saya] memang bercita-cita untuk menjadi seorang prajurit.

WN : Memang dari kecil telah berminat untuk menjadi seorang askar?

THH : Ya. Memang dari kecil.

WN : Apakah minat encik?

THH : Memang saya berminat dalam sukan terutama sukan bola tampar, hoki dan ragbi.

WN : Pernah *tak* [tidak] encik mewakili sekolah dalam sukan-sukan tersebut?

THH : Semasa dalam persekolahan tidak ada mewakili mana-mana persatuan, cuma semasa dalam angkatan tentera ada mewakili pasukan untuk sukan bola tampar, hoki dan juga ragbi.

WN : Boleh saya tahu prinsip hidup encik?

THH : Prinsip hidup saya selalu bercita-cita akan besungguh-sungguh untuk mencapai apa yang dicita. Ibarat kata pepatah ‘Genggam bara api, biar sampai jadi arang’, ‘Menyeluk pekasam biar sampai ke pangkal lengan’.

TAMAT BAHAGIAN 1

BAHAGIAN 2: PENGALAMAN KERJAYA DAN PENCAPAIAN

WN : **Saya ingin bertanya mengenai pengalaman kerja encik. Bagi encik apakah yang dimaksudkan dengan tentera itu sendiri?**

THH : Tentera adalah satu pasukan beruniform yang mempunyai disiplin yang kuat dan semangat yang tinggi. Terutama apabila menjalankan tugas-tugas sebagai seorang tentera yang terlatih.

WN : **Bagaimana encik boleh menyertai bidang ketenteraan?**

THH : Menyertai bidang ketenteraan adalah minat sejak dari kecil lagi. Setelah cukup usia *dua puluh satu* [21] tahun kebetulan masa *tu* [itu] angkatan tentera membuat pengambilan rekrut-rekrut untuk diserapkan dalam angkatan tentera.

WN : **Selain daripada itu, adakah faktor lain yang mendorong encik untuk menjadi seorang tentera?**

THH : Sebenarnya saya telah mengalami satu peristiwa sejarah. Rusuhan kaum pada *tiga belas* [13] Mei. Pada masa *tu* [itu] saya berada di Kuala Lumpur. *Sembilan belas enam puluh sembilan* [1969].

WN : **Boleh encik ceritakan serba sedikit mengenai peristiwa *tiga belas* [13] Mei dari pengalaman encik sendiri?**

THH : Seingat saya masa *tu* [itu] tahun *tujuh puluh sembilan* [1979] saya berada di Kuala Lumpur bekerja sebagai seorang buruh. *Okay sorry* [baiklah maaf] pada tahun *enam puluh sembilan* [1969] peristiwa rusuhan kaum di Kuala Lumpur. Waktu *tu* [itu] saya bekerja sebagai seorang buruh di sebuah pasar di Chow Kit yang mana selain kami bekerja kami ada *join* [sertai] dengan persatuan iaitu Akademi Seni di Kampung Baru, Kuala Lumpur. Dengan tercetusnya peristiwa *tiga belas* [13] Mei segalanya tu kami tinggalkan dan terus bersemangat untuk *nak* [hendak] berkhidmat dalam angkatan tentera. Kebetulan pada masa *tu* [itu] ada pengambilan untuk rekrut.

WN : **Apakah sebab atau punca tercetusnya rusuhan *tiga belas* [13] Mei itu?**

THH : Kalau *tak* [tidak] silap saya tercetusnya rusuhan kaum *tiga belas* [13] Mei adalah pergolakan politik yang mana semasa itu parti gerakan di Kuala Lumpur memenangi--. Sebelum memenangi mereka *seimbang* [seri] dengan parti berhaluan kanan. Jadi dengan tidak berpuas hati mereka membuat rusuhan masuk ke kampung-kampung termasuk Kampung Baru, Kuala Lumpur. *Diorang* [mereka] membuat huru hara yang menyakitkan hati penduduk-penduduk kampung di Kampung Baru, Kuala Lumpur pada masa itu.

- WN : **Rusuhan ini melibatkan antara Melayu dan Cina sahaja ke?**
- THH : Betul. Rusuhan ini melibatkan kaum cina dan orang kita Melayu *saja* [sahaja].
- WN : **Pada waktu peristiwa tersebut apakah yang berlaku ketika itu?**
- THH : Ketika itu berlakulah rusuhan, pembunuhan dan merosakkan harta-harta kerajaan. Dengan tercetusnya peristiwa itu perintah berkurung pun berlaku untuk meredakan keadaan antara orang-orang Melayu di Kuala Lumpur dan juga orang-orang Cina.
- WN : **Sewaktu perintah berkurung bagaimana encik dan rakan-rakan encik meneruskan kehidupan?**
- THH : Dalam keadaan huru-hara, kami masa *tu* [itu] memberi bantuan kepada orang-orang Melayu kita dengan *masukkan* [meletakkan] mereka ke Masjid Jamek Kampung Baru dan memberi makanan yang mana kami *ambik* [ambil] secara paksa di pasar Chow Kit pada waktu itu.
- WN : **Adakah encik ingat punca sebenar sebelum berlakunya kejadian *tiga belas* [13] Mei itu?**
- THH : Seingat saya pada *sepuluh* [10] Mei seorang anggota Tiong Hwa, orang Cina telah ditembak mati di Penang sebelum *tu* [itu]. Lepas *tu*

[itu] kebetulan di Kepong masa *tu* [itu] juga polis telah menembak mati seorang Tiong Hwa Cina dan bermulalah rusuhan kaum yang mana seingat saya masa *tu* [itu] saya berada di Chow Kit, mayat yang ditembak mati itu diusung daripada Kepong-Sentol. Dalam perarakan sepanjang jalan *tu* [itu], kita *tak* [tidak] tahu sebenarnya dalam keranda mayat *tu* [itu] diketahui ada senjata-senjata yang *dibawak* [dibawa] daripada orang-orang Cina untuk buat huru hara di pekan masa *tu* [itu] di Chow Kit lah.

WN : Berapa lama rusuhan ini berlaku?

THH : Rusuhan berlaku lebih kurang saya ingat dalam masa seminggu. Untuk meredakan rusuhan seperti mana yang saya katakan perintah berkurung telah dilaksanakan. Kerajaan telah menubuhkan MAGERAN iaitu Majlis Gerakan Negara untuk meredakan suasana diantara kaum.

WN : Sewaktu rusuhan tersebut, ada *tak* [tidak] antara ahli keluarga encik atau sahabat-sahabat encik yang terkorban ataupun yang nahas?

THH : Masa kejadian tersebut keluarga tidak adalah yang tercedera. Maksud saya kawan-kawan saya memanglah ada. Masa *tu* kami duduk di Kuala Lumpur. Ada kawan-kawan yang kami pun *tak* [tidak] tahu sama ada dia masih hidup atau *tak* [tidak]. Setahu saya

memang dia *tak* [tidak] dijumpai. Selepas peristiwa itu kami *tak* [tidak] jumpa lagi.

WN : Terus terputus hubungan?

THH : Putus hubungan.

WN : Dan tidak tahu sama ada dia hidup ataupun mati?

THH : Ya.

WN : Sewaktu peristiwa *tiga belas* [13] Mei itu, adakah encik terputus hubungan dengan keluarga encik dikampung?

THH : Memang betul kami jauh. Kami daripada Sungai Buloh-Kuala Lumpur memang jaraknya jauh. Kami tak ada hubungan langsung kecuali ada seorang daripada keluarga saya yang bekerja di Hospital Kuala Lumpur mencari kalau-kalau ada keluarga yang tercedera atau sebagainya. Semasa *tu* [itu] di *General Hospital Kuala Lumpur* (sekarang dipanggil sebagai Hospital Kuala Lumpur). Kebetulan abang saudara saya bekerja disana.

WN : Selepas peristiwa rusuhan itu, adakah keadaan pulih seperti biasa?

THH : Dengan tindakan kerajaan masa *tu* [itu] Perdana Menteri Allahyarham Tun Abdul Razak mengadakan MAGERAN untuk meredakan suasana. Setelah *dua* [2] minggu kami masih tidak pulih sepenuhnya, kami masih ragu-ragu antara orang Tiong Hwa dan orang-orang Melayu dan selepas itu barulah kami dapat balik ke kampung bertemu keluarga setelah *dua* [2] minggu peristiwa itu berlaku.

WN : **Adakah peristiwa *tiga belas* [13] Mei itu telah memberi impak [kesan] kepada diri encik?**

THH : Ya. Dengan tercetusnya peristiwa itu saya dengan semangat yang berkobar-kobar untuk berkhidmat dalam angkatan tentera sepertimana yang dilihat semasa peristiwa tersebut. Saya tengok pasukan keselamatan dengan senjata dan gaya yang sungguh menggerunkan. Jadi saya memang berminatlah dalam angkatan tentera pada masa *tu* [itu].

WN : **Apakah pekerjaan encik sebelum menyertai bidang tentera?**

THH : Sebelum menyertai bidang tentera dengan tidak ada kelulusan *kami* [saya] bekerja di kedai makan dan selepas itu mengalih [beralih] kerja ke dalam pasar sebagai penyembelih ayam.

WN : Berapa gaji encik ketika itu?

THH : *Lima Ringgit Malaysia [RM5] masa tu [itu] gaji duduk di Kuala Lumpur.*

WN : Bagaimana kehidupan encik sewaktu berada di Kuala Lumpur?

THH : Semasa di Kuala Lumpur kami menyewa rumah. Kehidupan memanglah *tak* [tidak] selesa. Jadi oleh kerana itu, terpaksa kami alah kadar *saja* [sahaja]. Kebetulan kerja di kedai makan, lepas makan terus *balik* [pulang] rumah sewa. Berkongsi dengan abang-abang saudara menyewa rumah. Masa *tu* [itu] rumah tidaklah mahal dalam *dua puluh lima Ringgit Malaysia [RM25]* sebulan.

WN : Sejak bila encik menyertai bidang tentera?

THH : Menyertai bidang tentera setelah tercetusnya peristiwa *tiga belas* [13] Mei rusuhan kaum. Kebetulan angkatan tentera memerlukan tenaga-tenaga untuk berkhidmat dalam pasukan keselamatan.

WN : Berapa umur encik ketika itu?

THH : Ketika itu saya berumur *dua puluh satu* [21] tahun.

WN : Pada waktu tersebut, berapa umur yang layak untuk menjadi

seorang tentera?

THH : Memang masa *tu* [itu] umur *dua puluh satu* [21] tahun baru boleh layak untuk menjadi angkatan tentera.

WN : **Dimana *tempat* [kem] pertama encik ditempatkan?**

THH : Setelah tamat latihan rekrut di Port Dickson selama *tiga* [3] bulan, kami telah dimasukkan di dalam pasukan Rejimen Renjer yang masa itu berpangkalan di Ipoh, Subla Line Camp yang sekarang diberi nama Kem Syed Putra.

WN : **Berapa lama encik berada disana?**

THH : Disana setelah dimasukkan kedalam Batalion Keempat Rejimen Renjer, selama *empat* [4] bulan lagi untuk *train soldier* [latihan askar]. Untuk latihan tentera sepenuhnya empat [4] bulan sahaja. Lepas *tu* [itu] baru kami dibolehkan untuk pergi menjalankan operasi.

WN : **Boleh saya tahu pada waktu dulu, apakah syarat-syarat untuk menjadi seorang tentera?**

THH : Syarat-syarat untuk menjadi seorang tentera pasukan keselamatan, pertama mestilah sihat tubuh badan dan cukup ketinggian juga berat badan. Minimum *seratus lima* [105] *pound* (berat).

WN : Boleh encik ceritakan pengalaman pertama iaitu pada tahun pertama encik menjadi seorang askar?

THH : Pada tahun pertama menjadi seorang tentera kami telah ditugaskan beroperasi di utara tanah air. Semasa *tu* [itu] di Perak. Oleh kerana kami orang baru, kami telah di *regging* [dibuli] membawa senjata yang beratnya *dua puluh empat* [24] *pound* (berat). Jenis senjata GPMG atau nama penuhnya General Propose Machine Gun peluru berantai.

WN : Selain daripada itu, apakah peristiwa yang encik telah lalui?

THH : Pertama kali kami makan dalam hutan *satu* [1] *misting* [alat memasak untuk perkhemahan]. Periuk yang kecil itu berkongsi makan *dua* [2] orang daripada mula operasi sehinggalah habis operasi semasa operasi yang pertama.

WN : Pernah *tak* [tidak] encik rasa putus asa ataupun rasa untuk berhenti menjadi tentera?

THH : Sebenarnya kami tidak berputus asa. Kami mempunyai semangat yang tinggi dan sanggup terima apa *saja* [sahaja] walau dalam apa keadaan sekalipun. Semangat memang cekal masa *tu* [itu].

WN : Bermakna sebelum encik menyertai bidang ketenteraan encik telah menyiapkan diri encik dari segi fizikal dan mental?

THH : Sebelum *tu* [itu] kami memang dah buat persiapan daripada segi mental dan fizikal. Tidak kiralah apa *saja* [sahaja] cabaran akan dilalui dengan rela hati.

WN : Boleh encik ceritakan pengalaman encik sewaktu operasi?

THH : Dalam operasi yang menjadi kenangan saya semasa tahun *tujuh puluh sembilan* [1979], masa *tu* [itu] kami telah ditugaskan untuk menjejaki komunis di utara tanah air iaitu di Gubir, Kedah. Dalam operasi itu kami hanya lebih kurang *tiga puluh* [30] orang saja *satu* [1] platon untuk menjalankan tugas yang mana kami dapat *information* [maklumat] disana ada maklumat-maklumat mengatakan ada pihak pasukan komunis yang bersedia untuk menjalankan gerakan.

WN : Jadi encik telah dihantar ke hutan untuk operasi itu?

THH : Ya. Kebetulan saya adalah kumpulan platon UCIS iaitu Unit Combat Intelligence Squad. Pasukan pertama yang memasuki kawasan tersebut.

WN : Sewaktu operasi *tu* [itu] berapa anggaran bilangan komunis?

THH : Untuk bilangan komunis kami *tak* [tidak] tahu. Tapi yang kami tahu memang mereka berada disana. Bilangan kami memang tidak tahulah.

WN : Selama berapa lama operasi itu berlaku?

THH : Selalu kami digerakkan untuk operasi selama *dua* [2] bulan. Jadi tugas-tugas kami untuk mencari kesan-kesan dan maklumat-maklumat yang ada di kawasan-kawasan yang telah ditetapkan untuk kami menjalankan tugas dalam tempoh *dua* [2] bulan tersebut. Selepas itu sekiranya kami dapat maklumat, kami akan *balik* [pulang] untuk melaporkan kepada pihak atasan tentang keadaan muka bumi dan penduduk-penduduk dikawasan tersebut.

WN : Apa peranan encik dalam operasi itu?

THH : Dalam operasi itu saya sebagai ketua seksyen merangkumi *sepuluh* [10] orang. Yang mana untuk pengetahuan, dalam *satu* [1] platon kami ada *tiga puluh* [30] orang iatu *tiga* [3] seksyen. Tiap-tiap *satu* [1] seksyen *sepuluh* [10] orang. Kami akan berpecah untuk mencari maklumat dan kesan-kesan dikawasan-kawasan yang telah ditugaskan.

WN : Selama encik berada di hutan, bagaimana cara hidup encik dari

segi makanan ataupun tidur?

THH : Semasa dalam hutan kami tidaklah boleh sewenang-wenangnya *nak* [hendak] pasang api ke *nak* [hendak] makan sedap-sedap ke memang tidak ada. Kami hanya dibekalkan makanan yang ada yang dalam tin. Untuk masak pun ala kadar *saja* [sahaja] untuk lapik perut. Kami tidak boleh memasak. Kami tidak dibenarkan sampai menggoreng. Kami hanya panaskan *saja* [sahaja] makanan yang ada dalam tin.

WN : Pernah *tak* [tidak] encik terputus bekalan makanan?

THH : Pernah. Kami terputus bekalan makanan sekiranya keadaan cuaca *tak* [tidak] mengizinkan. Selalunya penghantaran dari udara mestilah dalam keadaan cuaca yang baik untuk menghantar makanan ke tempat kami operasi. Kalau cuaca *tak* [tidak] baik kadang-kadang seminggu baru lah kami dapat menerima bekalan seterusnya.

WN : Bagaimana encik meneruskan hidup encik tanpa bekalan makanan pada masa itu?

THH : Kami sebenarnya *dah* [sudah] dilatih untuk makan apa yang ada sebagai *survival* [ikhtiar hidup] kami, makan apa yang ada dalam hutan seperti umbut-umbut, pucuk-pucuk kayu dan juga membuat jerat haiwan-haiwan hutan seperti pelanduk, kijang dan sebagainya.

- WN : **Pernah *tak* [tidak] encik makan monyet atau ular?**
- THH : Pernah *jugak* [juga]. Semasa dalam operasi tidak lah. Kami kadang-kadang tidak makan, kecuali semasa kursus. Kalau kursus untuk *survival* [ikhtiar hidup] kami akan makan haiwan seperti monyet dan juga ular sawa.
- WN : **Sewaktu encik berada dalam operasi di hutan, bagaimana dengan keluarga encik? Isteri encik?**
- THH : Kami kalau operasi memang kami tinggalkan semua. Keluarga, isteri, anak-anak ke, memang kami tinggalkan dalam masa *dua* [2] bulan. Memang dah *dibagitau* [diberitahu] jangka masa *dua* [2] bulan kami akan balik dan digantikan dengan pasukan-pasukan ataupun platun-platun yang lain untuk meneruskan operasi.
- WN : **Bagaimana encik berkomunikasi antara satu sama lain sewaktu berada di hutan?**
- THH : Sebenarnya dalam hutan kami *tak* [tidak] boleh buat bising, buat sesuka hati, kami hanya gunakan isyarat senyap *saja* [sahaja] terutama jika kawasan itu disyaki ada musuh. Kami *tak* [tidak] boleh buat sewenang-wenang seperti buat bising dan sebagainya. Kami *tak* [tidak] boleh (gelengkan kepala).

WN : Apa contoh bahasa isyarat yang encik gunakan dengan anggota-anggota yang lain sewaktu dihutan?

THH : Dalam kami untuk meneruskan perjalanan, kami akan bagi isyarat yang ibu jari naik ke atas (menunjukkan ibu jari keatas) itu tandanya *clear* [tiada halangan] dan boleh mulakan perjalanan dan sekiranya meragukan kami akan tunjuk ibu jari ke bawah maknanya kawasan *tu* [itu] *belum clear* [ada halangan] dan masih meragukan. Kami *tak* [tidak] akan meneruskan perjalanan dan kami akan buat *briefing* [penjelasan ringkas] dengan *group-group* [kumpulan-kumpulan] yang ada. *Lepas* [selepas] *tu* [itu] setelah dapat isyarat bagus, baru kami teruskan perjalanan.

WN : Selain isyarat ibu jari ke atas dan ke bawah, ada *tak* [tidak] isyarat lain?

THH : Ada isyarat lain untuk berkumpul. Macam untuk bahagikan *group* [kumpulan] isyarat bulatan untuk berkumpul (menggunakan jari membuat bulatan). Selain itu, ada isyarat halangan seperti ultraman punya tangan (sambil menyilangkan tangan) *tu* [itu] tandanya ada halangan, jadi kami *tak* [tidak] akan meneruskan perjalanan sehingga mendapat isyarat bagus (menunjukkan ibu jari keatas).

WN : Bagaimana encik mengetahui bahawa ada komunis di hadapan?

THH : Sebenarnya, sebelum kami buat operasi, kami *dah* [sudah] dapat *tau*

[tahu] maklumat-maklumat daripada orang-orang kampung dan sepertimana ada yang diberitahu ada kesan-kesan dan *jenai-jenai* [jejak-jejak] yang dilalui oleh pasukan penganas.

WN : Pernah *tak* [tidak] encik dan kawan-kawan encik terkena atau terperangkap dalam jerat-jerat yang dipasang oleh penganas?

THH : Sepanjang perkhidmatan saya dalam menjalankan operasi, memang ada kawan-kawan yang cedera, terkorban pun ada. *Tapi* [tetapi], Alhamdulillah, benda *tu* [itu] *tak* [tidak] terjadi pada saya.

WN : Encik tidak pernah terkena perangkap atau apa-apa kecederaan langsung?

THH : Tidak. Tidak ada. Sebenarnya semasa kami bermalam *kat* [dekat] tentera, ada mereka bekalkan ilmu dan petua-petua dan segala pantang larang yang *tak* [tidak] boleh dilakukan supaya kita selamat pergi dan selamat balik ke pengkalan.

WN : Tadi encik beritahu bahawa terdapat rakan-rakan seperjuangan encik yang terkorban. Pada waktu itu apa tindakan encik?

THH : Sekiranya berlaku perkara yang tidak diingini, kami sebenarnya ada perhubungan daripada luar dan *diorang* [mereka] akan beri bantuan

sama ada melalui udara mahupun darat. Itu mengikut keadaan lah sekiranya hari siang, kalau malam kami makan tidak dibenarkan lah.

WN : Pernah *tak* [tidak] encik menembak mati komunis ataupun pegganas? Dan apa tindakan encik terhadap mayat-mayat mereka?

THH : Kami pernah bertempur melawan pasukan pegganas, *tapi* [tetapi] *diorang* [mereka] *ni* [ini] selalunya sewaktu berlaku pertempuran, kalau kawan dia kena tembak *diorang* [mereka] akan *bawak* [bawa] lari kawan-kawan mereka supaya identiti mereka tidak dapat dikenali. Itu adalah memang mereka punya cara supaya identiti mereka tidak dapat dikenali.

WN : Apa peranan encik pada waktu darurat dan juga pada waktu aman?

THH : Peranan sebagai seorang tentera, semasa darurat ialah menjalankan operasi dimana disyaki ada pegganas-pegganas yang berleluasa mengganggu ketenteraman awam atau penduduk kampung yang diarahkan untuk menjalankan operasi semasa darurat dan dalam masa aman kami ada *jugak* [juga] membuat aktiviti-aktiviti jiwa murni ataupun gotong-royong bersama penduduk-penduduk tempatan untuk mengambil hati supaya dia menyebelahi *kita* [pihak tentera] dan menyampaikan maklumat-maklumat dari pasukan-

pasukan berhaluan kiri.

WN : Secara peribadi, apa perasaan encik apabila melihat anggota kumpulan encik terkorban di hadapan mata encik sendiri?

THH : Semasa berlaku kejadian *tu* [itu] kami memang berasa sedih. *Tapi* [tetapi] walau bagaimanapun sebagai seorang yang mempunyai semangat juang yang tinggi, kami akan cuba untuk membalas dendam dan meneruskan tugas untuk menggempur pasukan-pasukan komunis sehinggalah ke akhir hayat.

WN : Adakah encik *tak* [tidak] pernah tercedera langsung sewaktu operasi?

THH : Sebenarnya *kita* [saya] bukan takbur lah, *kita* [saya] memang *tak* [tidak] pernah kena walaupun kami dalam pertempuran dengan pasukan pengganas. Saya *tak* [tidak] pernah melangkah untuk memulakan operasi atau ke mana sahaja tanpa mengikut petua-petua yang diberi oleh orang-orang tua semasa *nak* [hendak] menjalani latihan ketenteraan masa *tu* [itu].

WN : Boleh *tak* [tidak] encik kongsi petua-petua itu?

THH : Untuk pengetahuan sebenarnya kita sebagai orang Islam kita kena ingat sebelum kita melangkah, siapa yang menjaga kita dan dia juga

yang mengakhiri kita. Jadi itu adalah satu petuanya. Selain itu, adalah ayat-ayat Al-quran yang kami amalkan sebelum kami melangkah menjalankan tugas atau operasi walau dimana pun kami bertugas. Sambil itu, kita kena ingat solat. Pernah dalam satu operasi, kami pernah menghabiskan puasa walaupun dalam keadaan teruk. Macam mana pun kami tetap meneruskan ibadah puasa sebagai orang Islam. Sebenarnya dalam pasukan Renjer *ni* [ini], kami berbilang kaum. Kami ada India, ada kaum Cina, dan ada suku kaum daripada Sarawak, Iban, Kadazan, dan Bidayuh. Walau bagaimanapun, kami saling mengingati ideologi fahaman masing-masing dan adat resam dan menghormati semua kaum yang ada semasa dalam perkhidmatan.

WN : Pada waktu itu, apakah jenis senjata yang pihak tentera gunakan?

THH : Semasa mula-mula *dulu* [dahulu] memang lah kami mendapat senjata yang tidak berapa baik iaitu senjata yang berat dan panjang. Setelah zaman moden ni, kami dapat senjata ringan seperti M16 yang sesuai untuk tentera-tentera Malaysia yang berbadan kecil.

WN : Apakah senjata yang digunakan oleh pihak penganas pada waktu itu?

THH : Pihak penganas masa itu dia tidak menggunakan senjata. Cuma

senjata MAC5 ataupun kebanyakan *diorang* [mereka] beroleh kemenangan adalah dengan menggunakan jerangkap samar yang susah kami *nak* [hendak] kesan semasa menjalankan operasi. Kebanyakan kecederaan dan kemalangan berlaku daripada jerangkap samar yang dibuat oleh pasukan pengganas.

WN : Apakah jenis kursus-kursus yang diberikan sebagai seorang angkatan tentera?

THH : Peringkat permulaan, kursus-kursus pertama yang dihadiri untuk pegawai peringkat rendah. *Lepas* [selepas] *tu* [itu] kursus-kursus kawad, kursus jenis-jenis senjata yang digunakan dan ada juga ikhtiar hidup iaitu survival dan lainnya untuk pentadbiran. Selain itu, pernah juga saya menjalani kursus asas payung terjun di Pusat Peperangan Khas, Kem Sungai Udang. Kursus ikhtiar hidup dan jurulatih-jurulatih UCIS (Unit Combat Intelligence Squad) untuk ketahanan mental dan fizikal.

WN : Sewaktu encik menjalani latihan payung terjun, pernah *tak* [tidak] encik tercedera?

THH : Pernah mengalami kecederaan semasa buat penerjunan pada waktu malam yang kaki *kami* [saya] pernah termasuk dalam lubang dan cedera ringan lah, terseliuh kaki. Walau bagaimanapun, tidak memakan masa yang lama dapat meneruskan tugas seperti biasa.

- WN : Berapa gaji encik sebagai seorang tentera pada waktu itu?**
- THH : Semasa dalam perkhidmatan tentera selepas latihan rekrut, gaji kami hanya *enam puluh ringgit* [RM60] sebulan masa *tu* [itu]. Selepas itu kami telah di serap dalam satu-satu pasukan, kami mendapat tidak sampai *seratus* [RM100], ia cuma dalam *sembilan puluh ringgit* [RM90] sahaja sebulan dan sehinggalah kami menjalani dan menghadiri kursus kenaikan pangkat daripada Prebet Soldier, Lans Koperal, Koperal, Sarjan, Staff Sarjan dan Pegawai Waran. Setelah saya mengakhiri kerjaya dalam pasukan tentera gaji akhir saya sebagai Pegawai Waran adalah *seribu lima puluh ringgit* [RM1050].
-
- WN : Dan itu gaji terakhir encik?**
- THH : Ya. Itu gaji terakhir.
-
- WN : Selain daripada operasi apakah aktiviti-aktiviti lain sewaktu di kem?**
- THH : Selain daripada operasi, kami banyak buat buat gotong-royong, *lepas* [selepas] *tu* [itu] aktiviti berjiwa murni bersama dengan orang-orang kampung dan penduduk-penduduk setempat. Kami selalu bercampur lah untuk memenangi hati orang-orang kampung supaya mereka percaya bahawa pasukan-pasukan keselamatan ini penting di negara kita ini. Selain itu, kami juga diperlukan untuk membantu

sekiranya berlaku bencana alam seperti banjir dan kebakaran. Kami bersama anggota polis untuk memisahkan kumpulan-kumpulan yang ekstrem.

WN : Sepanjang encik bertugas sebagai anggota tentera, apakah pengalaman manis yang *tak* [tidak] dapat encik lupakan?

THH : Sepanjang perkhidmatan kami bertugas di Malaysia Timur di Sarawak, kami dapat bertemu dengan penduduk suku-suku kaum disana, dapat tahu adat resam mereka, dan dapat pengalaman yang menyeronokkan. Pengalaman yang tak boleh dilupakan macam pernah pergi ke kawasan-kawasan orang asli yang mana kita tahu adat resam dia, apa pantang larang dia, jadi itu adalah satu pengalaman yang *tak* [tidak] dapat dilupakanlah.

WN : Bagaimana pula dengan pengalaman pahit?

THH : Pengalaman pahit semasa menjalankan operasi, apabila kawan-kawan yang sama-sama berjuang terkorban dan ada yang tercedera sehingga terkorban. Kenangan pahit semasa untuk menghubungi keluarga-keluarga orang yang telah terkorban. Untuk menghubungi keluarga mereka itulah suatu pengalaman yang sangat menyedihkan untuk menyampaikan berita-berita tersebut kepada ahli keluarga mereka.

WN : Boleh encik ceritakan apa reaksi keluarga encik sewaktu encik memilih untuk terlibat dalam bidang ketenteraan?

THH : Pada mulanya memang lah tidak setuju untuk-- tambahan tidak pernah meninggalkan kampung, tapi setelah diketahui yang saya lulus menjalani ujian untuk menjadi seorang tentera, keluarga memberi sokongan sepenuhnya akan cita-cita saya untuk menjadi seorang angkatan tentera.

WN : Dari segi pencapaian, dari awal penglibatan encik sebagai seorang tentera sehingga encik bersara, apakah pangkat atau jawatan yang telah encik sandang?

THH : Jawatan terakhir dalam angkatan tentera adalah Pegawai Waran II. Pada awalnya setelah tamat latihan *kami* [saya] menghadiri kursus untuk menjadi PTT (Pegawai Tanpa Tauliah) rendah iaitu berpangkat Lans Koperal, *lepas* [selepas] *tu* [itu], menghadiri kursus lagi berpangkat Koperal dan menghadiri lagi kursus pentadbiran mendapat pangkat Sarjan dan akhirnya saya ditauliahkan sebagai Pegawai Waran II sehingga berakhirnya perkhidmatan saya dalam angkatan tentera.

WN : Pada tahun berapakah encik bersara?

THH : Saya bersara pada tahun *sembilan belas sembilan puluh* [1990].

WN : **Berapa umur encik ketika itu?**

THH : Pada umur *empat puluh* [40] tahun.

WN : **Adakah encik menerima apa-apa pingat sebagai bekas Prajurit Negara?**

THH : Sebenarnya kami memang ada diberi anugerah pingat *macam* [seperti] PPA (Pingat Perkhidmatan Am), kemudian PPS (Pingat Perkhidmatan Setia), dan akhir sekali PJM (Pingat Jasa Malaysia). Sehingga kini PJM masih belum lagi diberikan walaupun telah menamatkan perkhidmatan *carrier* [kerjaya] dalam angkatan tentera selama *dua puluh satu* [21] tahun.

WN : **Kenapa pingat itu masih belum diberikan?**

THH : Untuk pengetahuan, sebenarnya lebih kurang *lima ratus ribu* [500 000] pesara-pesara tentera *ni* [ini]. Jadi mengikut giliran mungkin belum sampai masanya.

WN : **Apakah faktor-faktor yang membolehkan seseorang itu menerima pingat?**

THH : Selain daripada perkhidmatannya yang cemerlang, berdisiplin, ianya akan dianugerahkan pingat selain daripada menghadiri kursus-kursus yang telah diwajibkan sebagai seorang angkatan tentera.

WN : Sebagai bekas prajurit, adakah encik diberikan apa-apa keistimewaan?

THH : Sebenarnya, sebelum mengakhiri kerjaya dalam angkatan tentera, untuk menjadi orang awam, kami telah diberikan kursus selama *lapan belas* [18] bulan untuk meneruskan hidup semasa dalam awam. Itu adalah pilihan masing-masing sama ada *nak* [hendak] kursus usahawan, bengkel, tukang masak, dan sebagainya.

WN : Setelah bersara, apakah pekerjaan encik?

THH : Setelah bersara dari bekas tentera, saya masih menjadi sukarelawan RELA (Pasukan Sukarelawan Malaysia) ditempat saya dan banyak pertubuhan-pertubuhan yang saya ceburi seperti pasukan silat dan kompiang dan kumpulan-kumpulan marhaban dan berzanji. Dalam masa *tu* [itu] juga dengan sedikit modal yang ada, *kami* [saya] telah membuka restoran selama *lima belas* [15] tahun. Selepas itu oleh kerana keadaan memaksa, *kami* [saya] telah berhenti daripada membuka sebuah restoran dan mendapat jawatan sebagai Ketua Kampung di kampung Sungai Buloh sekarang *ni* [ini].

WN : Apakah nama restoran encik ketika itu?

THH : Restoran Nelayan yang bertempat di Kampung Sungai Buloh, Jeram, Selangor.

- WN : Sudah berapa lama encik menjadi Ketua Kampung di sini?**
- THH : Saya dilantik sebagai ketua kampung sejak *dua ribu lapan* [2008] yang mana negeri yang diperintah oleh Pakatan Rakyat, mungkin atas rasa disiplin dan tanggungjawab pentadbiran dilakukan, saya dicalonkan untuk memegang jawatan tersebut.**
- WN : Sehingga sekarang?**
- THH : Sehingga sekarang *dua ribu lima belas* [2015]**
- WN : Saya ingin menanyakan pendapat dan pandangan encik. Encik telah merasa zaman yang berbeza, jadi apakah yang boleh encik katakan, perbezaan zaman dahulu dengan zaman sekarang secara umumnya?**
- THH : Perbezaan memang besar lah. Kalau dulu, kami dari segi permainan harian, kami tidaklah seperti yang ada sekarang. Segala maklumat di hujung jari. Banyak perkara sosial yang tidak menyenangkan hati masyarakat dan juga ketua-ketua keluarga dalam mendidik anak-anak yang terlalu sosial.**
- WN : Sebagai seorang pesara tentera, apa pandangan encik terhadap generasi kini yang ingin menyertai tentera?**

THH : Pada pendapat saya, eloklah anak-anak muda *ni* [ini] di serapkan dalam pasukan keselamatan yang mana ianya adalah semangat jati diri yang berdisiplin. Demi untuk generasi-generasi akan datang saya rasa ia perlu di beri keutamaan terutama kepada anak-anak bangsa kita sendiri.

WN : **Apa yang boleh encik katakan tentang tentera pada zaman dahulu dan tentera sekarang?**

THH : Perbezaan, kalau tentera dahulu waktu zaman darurat kami selalu beroperasi menentang komunis yang selalu berada dalam hutan. *Tapi* [tetapi] yang sekarang ini pihak keselamatan pun tidak membuat operasi seperti dahulu iaitu di dalam hutan. Maknanya, kalau kita *pandang* [lihat] sekarang *ni* [ini] hanya di persisiran pantai sahaja. Kalau zaman dahulu, dari segi persenjataan, senjata kebanyakannya berat-berat yang susah untuk dikawal. *Tapi* [tetapi] sekarang *ni* [ini] senjata-senjata ringan. *Lepas* [selepas] *tu* [itu] moden, automatik dan tidak susah untuk dibawa walau ke mana sahaja. Itu dari segi persenjataan.

WN : **Apa respon encik terhadap segelintir pihak yang seolah-olah menidakkan peranan jasa bekas tentera. Misalnya ada pihak yang menafikan pengorbanan Dato' Temenggung Kanang anak Langkau yang meninggal dunia baru-baru ini?**

THH : Saya tidak setuju lah. Sebenarnya siapa yang pernah berkhidmat dalam angkatan tentera tahu macam mana *pahit maungnya* [susah payah] semasa menjalankan operasi. Semasa berada dalam hutan belantara, selain musuh pengganas komunis ada juga musuh-musuh daripada binatang buas. Kami sebenarnya semasa dalam hutan kami tidak tidur. *Nak* [hendak] tidur pun *tak* [tidak] lelap mata, nak makan pun susah segala-segalanya terhad. Jadi, kalau benda-benda *tu* [itu] dinafikan sebagai-- saya tidak setuju.

WN : Menurut pandangan encik, mengapa bekas tentera masih ramai yang hidup dalam kemiskinan?

THH : Sebenarnya pendapatan sebagai pesara hanya separuh sedangkan tanggungan besar ditambahkan pula dengan sekarang *ni* [ini] GST (Cukai Barangan dan Perkhidmatan). Itu sangatlah membebankan dan sepatutnya kerajaan memikirkan bagaimana untuk hidup di zaman yang serba mencabar dengan kenaikan harga barang.

WN : Siapakah idola encik dalam bidang ketenteraan dan mengapa memilih beliau sebagai idola?

THH : Idola saya adalah bekas saya punya Officer Comander (OC), kapten bersara bernama Arifin bin Yakob. Beliau adalah seorang yang tegas, dedikasi, dan mempunyai semangat juang yang tinggi.

WN : Setelah encik bersara, adakah encik berhubung kembali dengan rakan-rakan encik sewaktu dalam tentera?

THH : Sebenarnya kami ada membuat pendaftaran kepada bekas-bekas prajurit dan persatuan kami juga ada membuat *reunion* [perjumpaan] pada setiap tahun. Perjumpaan bersama kawan-kawan yang telah lama terpisah. Untuk pengetahuan, pada tahun lepas, *reunion* [perjumpaan] telah dilakukan di tempat kelahiran saya di Selangor. Unit asal saya adalah *Empat* Rejimen Renjer dan setiap tahun kami akan berpindah-pindah di negeri-negeri lain seperti kami pernah buat di Pulau Pinang, Perak, Melaka, Johor dan juga di Kedah.

WN : Sebelum mengakhiri perbualan kita, boleh encik berikan pendapat dan pandangan kepada bakal-bakal prajurit di luar sana.

THH : Sebagai nasihat saya, belia-belia yang ada eloklah menceburkan diri dalam angkatan tentera sebab ianya selain berjuang untuk negara, ianya menguatkan semangat jati diri yang tinggi demi untuk negara, bangsa, agama dan tanah air. Jangan lah membuang masa melepak, merempit *tak* [tidak] tentu arah. Jasa kita akan dikenang selama-lamanya. InsyaAllah.

TAMAT BAHAGIAN 2

LOG
WAWANCARA

LOG WAWANCARA

Wan Nornadzira Wan Bulkarim dan Nurul Miza Khalid telah menemubual Tuan Haji Hassim bin Haji Mansor, yang dilahirkan pada 18 Julai 1949, di Sungai Buloh, Jeram, Selangor. Temubual dijalankan di kediaman beliau bertempat di Sungai Buloh, Jeram, Selangor mengenai pengalaman beliau di dalam bidang ketenteraan ini.

| MASA | SUBJEK | NAMA/TEMPAT/RUJUKAN |
|-----------------------------------|----------------------------------|---|
| BAHAGIAN 1: LATAR BELAKANG | | |
| 00:36 | Latar belakang tokoh | <ol style="list-style-type: none"> 1. Sungai Buloh Jeram, Selangor 2. Sekolah Kebangsaan Jeram Batu 20 3. Sekolah Menengah Agama |
| 8:33 | Latar belakang isteri tokoh | <ol style="list-style-type: none"> 1. Hazenah binti Razak 2. Banting Selangor |
| 11:15 | Matlamat dan prinsip dalam hidup | <ol style="list-style-type: none"> 1. Besungguh-sungguh. 2. Genggam bara api, biar sampai jadi arang. 3. Menyeluk pekasam biar sampai ke pangkal lengan. |

| BAHAGIAN 2: MENGENAI KETENTERAAN | | |
|---|--|--|
| 11:42 | Maksud ketenteraan | <ol style="list-style-type: none"> 1. Beruniform 2. Disiplin |
| 12:10 | Penglibatan dalam bidang ketenteraan | <ol style="list-style-type: none"> 1. 21 tahun 2. Peristiwa 13 Mei |
| 13:10 | Peristiwa 13 Mei | <ol style="list-style-type: none"> 1. Tahun 1969 2. Rusuhan kaum 3. Kuala Lumpur 4. Perintah berkurung 5. Melayu dan Cina |
| 16:30 | Sebelum Peristiwa 13 Mei | <ol style="list-style-type: none"> 1. 10 Mei 2. Tiong Hwa 3. Kepong ke Sentol 4. Senjata 5. Chow Kit |
| 18:10 | Peristiwa 13 Mei | <ol style="list-style-type: none"> 1. MAGERAN 2. Hospital Kuala Lumpur |
| 20:33 | Sebab berminat untuk menyertai tentera | <ol style="list-style-type: none"> 1. Peristiwa 13 Mei 2. Semangat 3. Angkatan tentera |
| 21:08 | Sebelum melibatkan diri dalam bidang ketenteraan | <ol style="list-style-type: none"> 1. Kedai makan 2. Penyembelih ayam 3. Gaji RM5 |
| 22:55 | Kem pertama | <ol style="list-style-type: none"> 1. Port Dickson |

| | | |
|-------|----------------------------------|---|
| | | <ul style="list-style-type: none"> 2. Rejimen Renjer 3. Ipoh, Subla Line Camp 4. Batalion Keempat Rejimen Renjer |
| 24:03 | Syarat untuk menjadi tentera | <ul style="list-style-type: none"> 1. Sihat tubuh badan 2. Ketinggian mencukupi 3. 105 pound |
| 24:31 | Tugasan pertama menjadi tentera | <ul style="list-style-type: none"> 1. Utara tanah air 2. Perak 3. GPMG |
| 25:45 | Perasaan kali pertama jadi askar | <ul style="list-style-type: none"> 1. Semangat tinggi 2. Cekal |
| 26:48 | Pengalaman sewaktu operasi | <ul style="list-style-type: none"> 1. Gubir, Kedah 2. Komunis 3. Tahun 79 4. UCIS |
| 29:03 | Peranan dalam operasi | <ul style="list-style-type: none"> 1. Ketua seksyen |
| 29:35 | Cara hidup di dalam hutan | <ul style="list-style-type: none"> 1. Panaskan 2. Makanan dalam tin |
| 30:10 | Cara mendapat bekalan makanan | <ul style="list-style-type: none"> 1. Penghantaran udara 2. Makanan yang berada dalam hutan |
| 30:43 | Cara meneruskan | <ul style="list-style-type: none"> 1. Makanan semulajadi |

| | | |
|-------|--|--|
| | hidup tanpa makanan dalam hutan | 2. Haiwan hutan |
| 31:32 | Jangka masa operasi di dalam hutan | 1. 2 bulan |
| 32:01 | komunikasi antara anggota dalam pasukan semasa operasi | 1. Isyarat senyap 2. Contoh: isyarat ibu jari naik ke atas tanda clear |
| 35:34 | Tindakan yang dilakukan apabila ada anggota pasukan yang tercedera atau terkoban | 1. Mendapatkan bantuan dari pihak luar 2. Melalui udara atau darat |
| 36:48 | Peranan ketika darurat dan ketika aman | 1. Menjalankan operasi apabila disyaki ada pengganas 2. Akitivi jiwa murni – gotong- royong bersama penduduk setempat |
| 41:15 | Senjata yang digunakan semasa peperangan | 1. M16 2. MAC15 3. Jerangkap samar |
| 41:49 | Jenis-jenis kursus yang diberikan kepada anggota | 1. Kursus untuk pegawai pangkat rendah 2. Kursus kawad |

| | | |
|-------|--|--|
| | tentera | <ol style="list-style-type: none"> 3. Kursus jenis-jenis senjata yang digunakan 4. Kursus ikhtiar hidup 5. Kursus pentadbiran 6. Kursus asas payung terjun |
| 43:36 | Bayaran gaji semasa berkhidmat sebagai tentera | <ol style="list-style-type: none"> 1. Prebet – RM60 2. Pegawai – RM 90 ke atas |
| 44:33 | Aktiviti lain selain daripada latihan dan senaman | <ol style="list-style-type: none"> 1. Gotong-royong 2. Jiwa Murni 3. Membantu semasa berlaku bencana alam 4. Membantu polis meleraikan pergaduhan kumpulan ekstrem |
| 45:56 | Pengalam manis semasa bertugas sebagai seorang tentera | <ol style="list-style-type: none"> 1. Mengenali suku kaum di Sarawak 2. Mengetahui adat resam pelbagai kaum 3. Pengalaman melawat kawasan orang asli |
| 46:47 | Pengamalan pahit sebagai seorang tentera | <ol style="list-style-type: none"> 1. Terkorban dan tercedera 2. Memberitahu berita sedih kepada keluarga mangsa |

BAHAGIAN 3: PENCAPAIAN DAN PENDAPAT

| | | |
|-------|---|--|
| 48:36 | Pangkat yang disandang semasa bergelar tentera | <ol style="list-style-type: none"> 1. Lans koperal 2. Koperal 3. Sarjan 4. Pegawai Waran II (jawatan terakhir) |
| 49:38 | Tahun dan umur sewaktu bersara | <ol style="list-style-type: none"> 1. Tahun 1990 2. 40 tahun |
| 49:56 | Pingat yang diberikan kepada anggota tentera | <ol style="list-style-type: none"> 1. PPA (Pingat Perkhidmatan Am) 2. PPS (Pingat Perkhidmatan Setia) 3. PJM (Pingat Jasa Malaysia) |
| 51:22 | Keistimewaan yang ada pada bekas prajurit | <ol style="list-style-type: none"> 1. Kursus selama 18 bulan |
| 52:25 | Pekerjaan selepas bersara sebagai anggota tentera | <ol style="list-style-type: none"> 1. RELA 2. Kompang, marhaban dan berzanji 3. Restoran Nelayan 4. Ketua Kampung |
| 53:46 | Tempoh masa menjawat jawatan | <ol style="list-style-type: none"> 1. 2008 - 2015 |

| | | |
|-------|--|---|
| | sebagai ketua kampung | |
| 54:27 | Pendapat tentang zaman dahulu dan sekarang | <ol style="list-style-type: none"> 1. Dari segi persenjataan : zaman dahulu – berat dan susah untuk dikendalikan Zaman sekarang – ringan dan senang untuk dikendalikan 2. Dari segi permainan harian : Kini – semua berasaskan komputer |
| 55:25 | Pandangan tentang generasi muda yang ingin menyertai tentera | <ol style="list-style-type: none"> 1. Anak-anak muda diserapkan dalam pasukan keselamatan 2. Untuk mendidik semangat jati diri dan semangat juang dalam diri |
| 56:00 | Perbezaan tentera dahulu dan tentera sekarang | <ol style="list-style-type: none"> 1. Selalu beroperasi ketika zaman darurat 2. Sekarang hanya berkawal di persisiran pantai sahaja 3. Dari segi pensejataan, senjata sekarang lebih |

| | | |
|----------|---|---|
| | | moden dari senjata zaman dahulu. |
| 57:12 | Respon kepada sesetengah pihak yang menidakkan peranan dan jasa anggota tentera | <ol style="list-style-type: none"> 1. Tidak setuju. 2. Hidup sebagai tentera pada zaman dahulu sangat susah |
| 58:07 | Pendapat tentang masih ramai bekas tentera yang hidup dalam kemiskinan | <ol style="list-style-type: none"> 1. Pendapatan pesara separuh daripada gaji tentera 2. Tanggungan ramai 3. Kenaikan kadar sara hidup yang tinggi |
| 58:55 | Idola dalam bidang ketenteraan | <ol style="list-style-type: none"> 1. Bekas Officer Comander 2. Arifin bin Yakob |
| 59:28 | Aktiviti bersama bekas prajurit selepas bersara | <ol style="list-style-type: none"> 1. Mendaftar di persatuan bekas-bekas prajurit 2. Reunion |
| 01:00:32 | Nasihat dan pandangan kepada bakal-bakal prajurit | <ol style="list-style-type: none"> 1. semangat juang dan semangat jati diri yang tinggi demi negara, bangsa, agama dan tanah air 2. Jasa akan dikenang |

DIARI KAJIAN

DIARI KAJIAN

| MASA | TARIKH | PERKARA | TINDAKAN |
|---------------------|------------------|--|---|
| 9.00pg - 10.00pg | 2 April 2015 | <u>Panggilan Telefon</u> Membuat panggilan telefon kepada tokoh untuk kali pertama. Panggilan adalah untuk memohon persetujuan dan membuat temujanji dengan tokoh untuk ditemuramah. | Catatan awal dilakukan untuk proses pembuatan soalan |
| 2.00ptg- 2.30ptg | 20 April 2015 | <u>Panggilan Telefon kali Kedua</u> Membuat panggilan telefon kepada tokoh untuk kali kedua. Panggilan adalah untuk mengingatkan tokoh tentang temujanji awal yang telah ditetapkan pada 24 April 2015. | Soalan telah disediakan untuk diberikan kepada tokoh. |
| 10.00pg-11pg | 24 April 2015 | <u>Perjumpaan pertama bersama tokoh</u> Perjumpaan berlaku di rumah tokoh bertujuan untuk | Pengubahsuaian dan penambahan soalan yang bersesuaian dengan kehendak tokoh |

| | | | |
|---------------------|-----------------------------|---|---|
| | | mengenal tokoh bagi peringkat awal dan berbincang tentang soalan yang bakal ditanyakan kepada tokoh | |
| 2.00ptg- 4.00ptg | 25 April 2015 | <u>Perjumpaan kedua bersama tokoh</u> Perjumpaan berlaku di rumah tokoh bagi sesi temubual bersama tokoh | Segala persiapan dan peralatan telah disediakan dengan baik |
| 9.00pg | 26 April – 23 Julai 2015 | <u>Proses transkrip</u> Proses mentranskripkan semula temubual bersama tokoh | Edit, formatting dilakukan semasa proses tersebut |
| 10.00pg | 24 Julai 2015 | <u>Penghantaran transkrip</u> Menghantar transkrip yang telah siap | Membuat hard cover dan bukukan |

SENARAI SOALAN

NAMATOKOH: HAJI HASSIM BIN HAJI MONSOR

BIDANG: KETENTERAAN

LATAR BELAKANG

1. Apakah nama penuh encik?
2. Apakah nama panggilan encik dalam kalangan keluarga?
3. Apakah nama panggilan encik dikalangan rakan-rakan?
4. Berapakah umur encik sekarang?
5. Bilakah encik dilahirkan?
6. Dimanakah encik dilahirkan?
7. Encik tinggal bersama siapa sekarang?
8. Berapa lama encik menetap disungai buloh?
9. Sebelum encik tinggal di rumah encik yang sekarang, encik tinggal di mana?
10. Boleh encik ceritakan kehidupan encik sebelum Malaysia merdeka memandangkan encik lahir sebelum Malaysia mendapat kemerdekaan.
11. Apakah ibu bapa encik masih ada?
12. Siapakah nama bapa encik?
13. Siapakah nama ibu encik?
14. Ibu bapa encik asal dari mana?
15. Apakah pekerjaan ibu bapa encik?
16. Boleh encik ceritakan sedikit latar belakang ibu bapa encik?
17. Berapakah bilangan adik-beradik encik?
18. Encik anak keberapa dalam keluarga?

19. Daripada bilangan adik-beradik encik, berapa orang lelaki dan berapa orang perempuan?
20. Adakah antara adik beradik encik yang mengikut jejak langkah encik?
21. Bolehkah encik cerita mengenai kehidupan kanak-kanak encik dahulu?
22. Di manakah pendidikan awal encik?
23. Adakah encik bergiat aktif menyertai aktiviti atau persatuan ketika bersekolah dahulu?
24. Adakah encik pernah mewakili sekolah dalam aktiviti tersebut?
25. Adakah encik masih ingat pengalaman manis ketika bersekolah dahulu?
26. Bagaimana pula dengan pengalaman pahit?
27. Selepas bersekolah rendah, adakah encik menyambung pelajaran ke peringkat seterusnya?
28. Apakah cita-cita sebenar encik?
29. Apakah hobi encik?
30. Bilakah encik mendirikan rumahtangga?
31. Siapakah nama isteri encik?
32. Berapakah umurnya sekarang?
33. Adakah isteri encik bekerja?
34. Adakah isteri encik pilihan sendiri atau keluarga?
35. Bagaimana encik berkenalan dengan isteri encik?
36. Isteri encik asal dari mana?
37. Berapakah bilangan anak encik?
38. Adakah mereka semua telah bekerja?
39. Adakah mereka semua telah mendirikan rumah tangga?
40. Adakah mereka menetap bersama dengan encik?

41. Adakah antara anak-anak encik yang mengikut jejak encik menyertai bidang ketenteraan?
42. Jika ada, dimanakah beliau sekarang?
43. Apakah pangkat anak encik sekarang?
44. Apakah matlamat hidup encik?
45. Ada apa-apa prinsip yang encik pegang selama ini?

PENGALAMAN BEKERJA

46. Bagi encik, apakah yang dimaksudkan dengan tentera itu sendiri?
47. Bagaimana encik boleh menyertai bidang ketenteraan?
48. Adakah sesiapa yang mendorong encik untuk menyertai bidang ini?
49. Boleh encik ceritakan serba sedikit mengenai peristiwa 13 Mei dari pengalaman encik.
50. Adakah ahli keluarga encik atau sahabat encik yang menjadi mangsa dalam peristiwa 13 Mei itu?
51. Apakah respon keluarga encik sewaktu encik menyuarakan hasrat untuk menjadi seorang askar?
52. Apakah pekerjaan encik sebelum menyertai bidang tentera?
53. Adakah encik berpuas hati dengan pekerjaan encik sebelum ini?
54. Sejak bila encik menyertai bidang ketenteraan?
55. Berapa umur encik ketika itu?
56. Pada waktu itu berapa umur yang layak untuk menyertai tentera?
57. Adakah encik menyertai bidang ketenteraan kerana minat atau atas sebab lain?
58. Sebelum dapat bertugas sebagai tentera, adakah encik ada menjalani apa-apa latihan ketenteraan?
59. Berapa lama latihan tersebut?

60. Dimanakah tempat pertama encik ditugaskan sebagai tentera?
61. Berapa lama encik berada di sana?
62. Apakah misi encik ketika di hantar ke sana?
63. Adakah encik ke sana bersama keluarga?
64. Semasa di sana di manakah encik tinggal?
65. Pada waktu itu apakah jawatan yang di sandang oleh encik?
66. Berapa orang dalam pasukan yang di tugaskan di sana?
67. Bolehkah encik menceritakan pengalaman encik sewaktu bertugas sebagai tentera menentang tentera komunis dahulu?
68. Bagaimana kehidupan rakyat ketika itu?
69. Apakah peranan encik ketika dalam operasi?
70. Pada ketika itu apakah bentuk senjata yang di gunakan untuk menentang mereka?
71. Bagaimana pula cara anggota tentera pada waktu itu berlindung dan melindungi diri dari diserang musuh?
72. Bagaimana cara hidup dalam hutan, makan, tidur?
73. Adakah encik pernah berdepan dengan perangkap samar atau periuk api?
74. Bagaimana encik mengelak dari terkena periuk api?
75. Adakah encik pernah tercedera sewaktu dalam peperangan?
76. Apakah jenis kecederaan itu?
77. Pada waktu encik bertugas, adakah ahli kumpulan encik yang terkena periuk api?
78. Apa yang terjadi kepada mereka?
79. Adakah antara mereka yang terkorban?
80. Apakah yang encik lakukan ketika itu?
81. Apakah yang dilakukan oleh komunis jika tertangkap?
82. Bagaimanakah cara serangan yang di gunakan oleh komunis?

83. Bagaimanakah tentera melayu menjangka serangan komunis?
84. Bagaimana mereka menghantar isyarat?
85. Apakah alat atau cara yang digunakan untuk tentera berkomunikasi?
86. Apakah tugas encik apabila perang tamat?
87. Pada waktu itu bagaimana gaji yang diberikan kepada tentera?
88. Apakah pengalaman manis encik sepanjang bertugas sebagai tentera ?
89. Bagaimana pula dengan pengalaman pahit?
90. Adakah didalam tentera menggunakan bahasa isyarat supaya pihak musuh tidak ketahui?
91. Apakah contoh isyarat tersebut
92. Berapa banyak kem yang encik pernah terlibat dan sebutkan nama kem-kem tersebut?
93. Siapakah idola encik dalam bidang ketenteraan?
94. Mengapa encik memilih beliau sebagai idola?

PENCAPAIAN DAN PENDAPAT

95. Dari awal encik bertugas sebagai tentera sehingga encik bersara, apakah pangkat yang telah encik sandang?
96. Apakah beza pangkat-pangkat tersebut?
97. Pada tahun berapakah encik bersara?
98. Encik bersara dengan pangkat apa?
99. Adakah encik ada menerima pingat atau darjah kehormatan sebagai perajurit Negara?
100. Siapakah yang memberikan penghargaan itu?
101. Sebagai pesara perajurit adakah encik di beri apa-apa keistimewaan?

102. Apakah antara keistimewaan itu?
103. Apakah yang boleh encik katakan perbezaan zaman dahulu dan zaman sekarang?
104. Apakah cara untuk memujuk generasi kini untuk menyertai tentera?
105. Apakah yang boleh encik katakan tentang tentera zaman dahulu dan zaman sekarang?
106. Pada pendapat encik, bagaimanakah cara untuk meningkatkan prestasi pasukan tentera?
107. Apakah nasihat encik pada generasi-generasi muda zaman sekarang?

LAMPIRAN



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

Kelantan

PERJANJIAN MENGENAI SEJARAH LISAN

Syarat-syarat mengenai wawancara yang telah diadakan antara Universiti Teknologi MARA dengan Haji Hassan Bin Haji Mansor.....

Pada.....

1. Pita rakaman hasil wawancara yang tersebut di atas adalah diserahkan kepada Universiti Teknologi MARA untuk disimpan buat selama-lamanya.
2. Pihak Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi MARA akan mengambil apa-apa tindakan yang difikirkan perlu untuk memelihara pita rakaman ini.
3. Pihak Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi MARA boleh membuat transkrip pita rakaman dan transkrip-transkrip ini perlu/tidak perlu disemak oleh pengkisah (interviewee).
4. Pita rakaman/transkrip ini akan dibuka kepada sernua penyelidik sama ada dari Malaysia atau luar negeri yang bertujuan membuat penyelidikan yang sah tanpa syarat-syarat / dengan syarat:
Apabila petikan diambil dari pita rakaman/transkrip ini untuk digunakan di dalam penerbitan, tesis dll. sumbernya hendaklah diakui oleh penyelidik-penyelidik.
5. Adalah dipersetujui bahawa pita rakaman/transkrip ini akan dibuka kepada penyelidik-penyelidik dalam dan luar negeri mulai dari (tarikh).
rsetujui pada oleh kedua pihak yang berkenaan.

.....
Pengkisah (Tokoh)

Ketua Pusat Pengajian,
Fakulti Pengurusan Maklumat
UiTM Kelantan.



Gambar 3: Tokoh Sewaktu dalam Askar



Gambar 3: Bersama Tokoh

INDEKS

A

Askar Wataniah, 3,

Arifin bin Yakob, 23

Akademi Seni, 9

B

Bola Tampar, 5

Banting, 2

Bidayuh, 14

C

Chow Kit, 8

Cow Boy, 4

D

Disiplin, 6

G

Gubir, 18

GST, 23

H

Hoki, 6

I

Islam, 19

Iban, 20

J

Jerangkap samar, 21

Johor, 2

K

Ketenteraan, 1, 15

Kampung Sungai Buloh, 2, 4, 6

Komunis, 8, 9, 15

Koperal, 13

Kedah, 18

Kuala Lumpur, 16, 17, 18

Kadazan, 20

L

Latihan, 17

M

Misting, 11

MAGERAN, 12

Malaysia, 13, 14

M16, 17

O

Operasi, 9, 11, 13

Office Comander, 25

P

Prajurit, 5, 13

Pegawai Waran II, 5

R

Ragbi, 5

RELA, 23

Rekrut, 8

S

Sarawak, 23

Sarjan, 24

Selangor Darul Ehsan, 1, 3, 5

T

Temenggung Kanang Anak Langkau, 24

Tapah, 12

Tentera Wataniah, 4

Tunku Abdul Rahman, 8

U

Utara Tanah Air, 10

UCIS, 14

W

Wataniah, 8